

Apisai alami pengalaman indah di UMS

(UM) 22.11.2015 29

KOTA KINABALU 22 Nov. - "Saya tidak dapat menahan sebak. Kejayaan ini satu kenangan yang sangat indah buat diri saya," kata Apisai Rinamalo, 32, yang berasal dari Fiji apabila menangis seketika semasa ditemubual pemberita.

Beliau yang merupakan penerima Ijazah Sarjana Muda Tropikal Perhutanan Antarabangsa dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata, pengorbanan meninggalkan keluarga tersayang yang berada jauh di Fiji merupakan satu pengalaman yang sukar untuk ditempuhi.

Namun begitu katanya, pengalaman sedih tersebut hanya seketika apabila berada di perantauan kerana dia mendapat kerjasama yang sangat baik daripada seluruh warga UMS.

Menurut Apisai, bukan sahaja rakan seperjuangan dan mahasiswa di universiti tersebut yang banyak membantu dalam pelbagai perkara, malah kakitangan UMS juga tidak 'lokek' menghulur-

kan sokongan dan dorongan sebagai mahasiswa di universiti itu.

"Saya rasa sangat bertuah dan berbangga untuk menamatkan pengajian saya di UMS. Saya terhutang budi kepada semua pihak yang telah banyak membantu sepanjang pengajian di sini," katanya yang ditemui dalam Majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-17, di sini semalam.

Dalam meraikan kejayaan pemuda yang mempunyai ketinggian 195 sentimeter itu, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Fiji di Malaysia, Pita Tagicakirewa bersama abang Apisai, Isoa Turuva, 38, turut hadir berkongsi kegembiraan dengannya.



APISAI RINAMALO

Mengulas lanjut, Apisai berkata, dia sangat bertuah untuk melanjutkan pelajaran di Sabah kerana masyarakat di negeri ini sangat ramah dan mesra dengan dirinya, meskipun pada awalnya dia berasa malu kerana menjadi tumpuan pelajar ekoran ketinggian serta sosok tubuh yang besar.

Tambahnya, Malaysia merupakan

sebuah negara yang aman dan merupakan tempat paling sesuai untuk menimba ilmu kerana bukan sahaja dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan malah selamat dikunjungi.

"Saya berasa selesa di negara ini. Selain dapat menyambung

pelajaran dengan baik di UMS, saya juga dapat berkongsi pengalaman dan kemahiran dalam sukan ragbi dengan masyarakat di negeri ini.

"Saya juga berusaha membantu meningkatkan keupayaan pasukan ragbi UMS dalam apa jua kejohanan yang disertai, selain turut beraksi dengan sebuah kelab di Kota Kinabalu untuk sukan ragbi. Itu satu pengalaman yang indah," katanya.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, Apisai berkata, kemungkinan besar dia akan kembali semula ke Fiji dan berkhidmat sebagai pegawai perhutanan di negara itu dalam masa terdekat kerana selama menuntut di UMS dia terikat dengan tajaan biasiswa kerajaan itu.

Berkongsi perancangan masa depan, Apisai berharap dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan tidak menolak kemungkinan untuk kembali menyambung pelajaran di negara ini.